



Isu Sosial Pelajar dan Kelemahan Nilai Moral: Satu Analisis dan Cadangan Berdasarkan Maqasid al-Syariah

Student Social Issues and The Decline of Moral Values: An Analysis and Recommendations Based on The Maqasid Al-Shariah Framework

¹*Nur Iwana Safi Muhamad Hanizad, ²Tengku Amalin Sofea Tengku Razali & ³Husna Jamalluddin

¹Faculty of Syariah and Law, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia

*(Corresponding author) e-mail: iwanasafii22@gmail.com

Article history:

Submission date: 12 Dec 2024
Received in revised form: 15 March 2025
Acceptance date: 27 April 2025
Available online: 13 July 2025

Keywords:

Maqasid al-Shariah, social problems, student morality, moral education, disciplinary framework

Funding:

This research received no specific grant from any funding agency in the public, commercial, or not-for-profit sectors.

Competing interest:

The author(s) have declared that no competing interests exist.

Cite as:

Muhamad Hanizad, N. I. S., Tengku Razali, T. A. S., & Jamalluddin, H. (2025). Isu Sosial Pelajar dan Kelemahan Nilai Moral: Satu Analisis dan Cadangan Berdasarkan Maqasid al-Syariah: Student Social Issues and The Decline of Moral Values: An Analysis and Recommendations Based on The Maqasid Al-Shariah Framework. *AL-MAQASID: The International Journal of Maqasid Studies and Advanced Islamic Research*, 6(1), 65–80.
<https://doi.org/10.55265/al-maqasid.v6i1.322>



© The authors (2025). This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution (CC BY NC) (<http://creativecommons.org/licenses/by-nc/4.0/>), which permits non-commercial re-use, distribution, and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited. For commercial re-use, please contact intelligentia.resources@gmail.com

SDG Elements:

Quality Education, Sustainable cities and communities



ABSTRACT

This study examines social issues among school students and the decline of moral values, evaluating the role of the Maqasid al-Shariah framework in addressing these phenomena. It aims to analyse gaps in the integration of moral, civic, and Islamic education in the school curriculum and propose a holistic framework to mitigate disciplinary problems, bullying, and adolescent sexual misconduct. The research gap is identified through recent statistical reports showing an increase in bullying and disciplinary cases despite existing moral education programs, reflecting a failure to cultivate comprehensive student character development. A qualitative document analysis methodology is employed, reviewing secondary literature including academic journals, ministry reports, and previous studies on student character formation, moral values, and Maqasid al-Shariah principles. Data are thematically analysed focusing on five components of Maqasid al-Shariah: preservation of religion (*hifz al-din*), life (*hifz al-nafs*), intellect (*hifz al-'aql*), lineage (*hifz al-nasl*), and property (*hifz al-mal*). Findings suggest that existing moral education is less effective due to its academic-focused approaches, limited interactive pedagogy, and low internalisation of ethics among students, as reflected in bullying, sexual misconduct, and disciplinary offences. The study recommends a holistic pyramid approach combining value-based discipline management, digital literacy, media protection, and structured academic and moral assessments, aligned with Maqasid principles such as *hifz al-din* (protection of religion), *hifz al-nafs* (protection of life), *hifz al-'aql* (protection of intellect), and *hifz al-'ird* (protection of dignity). In conclusion, aligning moral education with Maqasid al-Shariah can create a more balanced, comprehensive, and effective educational system to address student social issues while nurturing a generation of integrity and virtue.



ABSTRAK

Kajian ini meneliti isu sosial dalam kalangan pelajar sekolah dan kelemahan nilai moral yang membentuk krisis sahsiah, serta menilai peranan prinsip Maqasid al-Syariah dalam menangani fenomena ini. Tujuan kajian adalah untuk menganalisis jurang dalam integrasi pendidikan moral, sivik, dan pendidikan Islam dalam kurikulum sekolah, seterusnya mencadangkan kerangka holistik bagi membendung isu disiplin, buli, dan jenayah seksual remaja. Jurang kajian dikenal pasti melalui laporan statistik terkini yang menunjukkan peningkatan insiden buli dan salah laku disiplin walaupun pelbagai program pendidikan moral telah dilaksanakan, menunjukkan kegagalan pendidikan nilai membentuk sahsiah pelajar secara menyeluruh. Metodologi kajian menggunakan pendekatan kualitatif berbentuk analisis dokumen, dengan kajian literatur sekunder termasuk jurnal akademik, laporan kementerian, dan penulisan ilmiah terdahulu mengenai pembentukan sahsiah pelajar, nilai moral, serta prinsip Maqasid al-Syariah. Data dianalisis secara tematik, dengan tumpuan kepada lima komponen Maqasid al-Syariah: pemeliharaan agama (*hifz al-din*), nyawa (*hifz al-nafs*), akal (*hifz al-'aql*), keturunan (*hifz al-nasl*), dan harta (*hifz al-mal*). Dapatan kajian menunjukkan bahawa pendidikan nilai sedia ada kurang berkesan kerana pendekatan berorientasikan akademik, kekurangan pedagogi interaktif, dan penghayatan moral yang rendah dalam kalangan pelajar. Fenomena buli, jenayah seksual, dan salah laku disiplin mencerminkan kegagalan membentuk kesedaran dalaman pelajar terhadap tanggungjawab sosial dan etika, sekaligus menggugat objektif Maqasid al-Syariah. Cadangan kajian menekankan pendekatan piramid holistik yang menggabungkan pengurusan disiplin berasaskan nilai (Program Sistem Penalti), pendidikan literasi digital dan perlindungan media, serta pentaksiran akademik dan akhlak berstruktur. Pendekatan ini mengaitkan prinsip Maqasid seperti: *hifz al-din* (pemeliharaan agama) melalui penerapan nilai Islam dalam disiplin, *hifz al-nafs* (pemeliharaan nyawa) melalui pencegahan buli dan salah laku, *hifz al-'aql* (pemeliharaan akal) melalui literasi digital dan kawalan media, dan *hifz al-'ird* (pemeliharaan maruah) dengan membentuk sahsiah dan etika digital yang baik. Kesimpulannya, penyelarasan pendidikan nilai dengan prinsip Maqasid al-Syariah dapat menghasilkan sistem pendidikan yang lebih seimbang, menyeluruh, dan berkesan dalam membendung isu sosial pelajar serta membina generasi berintegriti dan bermoral.

Pendahuluan

Gejala sosial merupakan hasil daripada proses modenisasi dan kejutan budaya yang memberi kesan mendalam terhadap golongan remaja. Pada peringkat remaja, seseorang itu akan melalui fasa pembentukan dan pencarian jati diri. Kegagalan dalam mengurus diri boleh membawa kepada peningkatan masalah sosial dalam kalangan pelajar jika ianya gagal ditangani dengan betul. Situasi ini amat membimbangkan dari sudut etika dan moral dalam masa yang sama menjadi satu cabaran yang besar bagi melahirkan insan yang berkualiti. Masalah sosial juga menyumbang kepada tingkah laku negatif di dalam anggota masyarakat dan tidak memberikan sebarang faedah kepada kekuatan sistem dan struktur ekonomi kepada masyarakat, komuniti ataupun negara. Banyak faktor yang mendorong remaja pada masa kini terlibat dalam gejala sosial



yang kurang sihat ini. Contoh masalah sosial yang seringkali terjadi pada masa kini mahupun sejak dahulu lagi telah berlaku adalah salah laku pelajar di sekolah. Buli terbahagi kepada dua bentuk iaitu secara langsung ataupun tidak langsung. Buli secara langsung biasanya melibatkan fizikal seseorang manakala buli secara tidak langsung pula lebih kepada penggunaan verbal (Ross, 1996). Antara contoh masalah sosial yang lain termasuklah rogol, buli, jenayah seksual, jenayah pelajar dan banyak lagi. Melalui pendekatan Maqasid Syariah, pendidikan dari sudut moral bukan sahaja penting bagi menghidupkan nilai kasih sayang dan hormat, akan tetapi juga dapat memenuhi konsep Maqasid Syariah iaitu pemeliharaan terhadap agama, akal, harta, nyawa dan diri.

Walaupun terdapat pelbagai inisiatif telah dilaksanakan bagi membendung masalah sosial pelajar sekolah, akan tetapi keberkesanan integrasi nilai moral dan etika dalam membendung isu disiplin dan buli masih boleh dipersoalkan. Pengerusi Pertubuhan Ikatan Komuniti Tan Sri Lee Lam Thye mengatakan bahawa pengukuhan dalam pendidikan moral dan sivik di semua peringkat sekolah amatlah disyorkan kerana sistem pendidikan hari ini terlalu menekankan pencapaian akademik semata-mata sehingga mengabaikan aspek penting lain dalam pembangunan sahsiah pelajar (Berita Harian, 2025). Maka disebabkan itu masih terdapat jurang dalam pembentukan akhlak pelajar secara menyeluruh yang berpaksikan Maqasid al-Syariah, khususnya dalam membina kesedaran diri terhadap perbuatan baik atau buruk. Justeru itu, timbul persoalan, adakah wujud penyelesaian yang lebih berkesan dalam permasalahan ini dalam pada masa yang sama Islam menekankan prinsip Maqasid Syariah dalam kehidupan seharian kita. Oleh demikian, kajian ini bertujuan bagi membuat satu kerangka Maqasid Syariah dalam ingin menyelesaikan masalah sosial berlaku dalam kalangan pelajar pada masa kini.

Sorotan Literatur

Masalah Sosial dalam Kalangan Pelajar

Isu gejala sosial di negara kita tidak sepatutnya dipandang ringan. Permasalahan ini semakin membimbangkan dari hari ke hari malah sudah menjadi kebiasaan di dalam dunia pendidikan (Baharom *et al.*, 2008). Hal ini perlu diberi perhatian secara serius memandangkan sekolah-sekolah dan institusi pendidikan merupakan suatu tempat proses pengajaran dan pembelajaran berlaku. Kajian oleh Saibon dan Khairani (2010) membuktikan bahawa masalah sosial di sekolah dipengaruhi oleh faktor kedudukan sosial di kalangan rakan sebaya. Konflik keluarga, pengaruh dari media massa, serta kelemahan dari segi aspek pengurusan sekolah juga menyumbang kepada masalah sosial pelajar. Ini dapat meraih kebimbangan yang besar kepada pelajar sekolah kerana ia mencerminkan kelemahan dalam penghayatan nilai moral dan etika dalam diri mereka.

Antara sebab berlakunya konflik keluarga yang dapat dikenal pasti adalah disebabkan tekanan hidup yang menimpa mereka. Beberapa pengkaji juga berpendapat bahawa tekanan yang diterima oleh rakan sebaya di sekolah melalui peningkatan status sosial juga boleh mendorong kepada berlakunya perlakuan membuli di sekolah. Perlakuan seperti ejekan atau cemuhan juga sering digunakan bagi menunjukkan dominasi dan kuasa terhadap pelajar lain (Dorothy, 2002). Terdapat pengkaji menyatakan kebimbangannya mengenai kemerosotan hubungan dan kasih sayang yang berlaku di antara ibu bapa dan anak dan betapa pentingnya kerjasama semua pihak dalam membendung gejala tersebut. Kajian Tamuri dan Ismail (t. th.) menyatakan bahawa faktor media massa juga sedikit sebanyak mempengaruhi pembentukan akhlak remaja hari ini. Kita dapat simpulkan bahawa media massa banyak memaparkan kandungan yang mengandungi



unsur keganasan, ejekan dan penghinaan antara individu. Paparan di media massa seperti ini secara tidak langsung menormalisasikan tingkah laku agresif dan buli dalam kalangan pelajar sekolah.

Subjek dan Pendekatan Yang Diajar Di Sekolah

Terdapat satu pendekatan yang digunakan oleh guru dalam pengurusan disiplin murid di sekolah iaitu dengan pemantapan diri murid dari segi rohani melalui program yang dinamakan sebagai SUMUR (Sahsiah Unggul Murid). Kaedah ini melibatkan dua pihak iaitu di antara guru dan pelajar itu sendiri yang mana pelbagai program sahsiah telah dilaksanakan kepada pelajar bagi mencegah salah laku disiplin pelajar. Program ini dapat membantu dalam membentuk tingkah laku pelajar yang lebih berkualiti dalam masa yang sama dapat membantu mengurangkan masalah disiplin. Masalah disiplin yang terjadi boleh disebabkan oleh kelemahan dalam mengawal sikap dan akhlak, yang akhirnya terbukti melalui kelakuan yang negatif di sekolah (Mahadi *et al.*, 2022). Seterusnya, daripada program SUMUR yang diadakan ini sedikit sebanyak dapat meningkatkan keyakinan diri dan adab pelajar di sekolah.

Selain itu, guru juga memainkan peranan yang besar dalam pengurusan tingkah laku dan disiplin pelajar kerana mereka bukan sahaja hanya mendidik ilmu dari segi teori akan tetapi mereka juga merupakan pendidik sahsiah kepada pelajar-pelajar. Guru perlu mengamalkan amalan yang terbaik (*best practices*) dalam kelasnya (Perumal *et al.*, 2022). Antara strategi guru dalam pengurusan disiplin murid ialah mewujudkan hubungan harmoni antara guru dan murid. Pendekatan pengajaran yang dilaksanakan oleh guru dengan sikap positif dan komitmen yang tinggi mampu mengurangkan isu disiplin serta memberi kesan positif terhadap prestasi akademik pelajar (Muhammad Farhan *et al.*, 2020).

Subjek yang membentuk nilai, etika dan akhlak seperti Pendidikan Islam, Pendidikan Sivik dan Pendidikan Moral juga telah dilaksanakan di Malaysia merupakan satu pendekatan oleh kerajaan dalam membentuk generasi muda yang memiliki jati diri, nilai moral dan etika yang tinggi. Melalui kurikulum yang dibangunkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia, silibus ini menekankan empat nilai teras utama, iaitu *Kasih Sayang, Hormat-Menghormati, Bertanggungjawab, dan Kegembiraan* (Yahya, 2024). Nilai-nilai ini diterapkan secara berperingkat dari sekolah rendah hingga sekolah menengah rendah dan atas. Di peringkat sekolah rendah di terapkan mengenai asas pembentukan akhlak dan empati di mana tumpuan diberikan kepada asas moral dan emosi pelajar. Topik seperti *sekolah bebas buli, pemupukan jati diri, sayangi terhadap flora dan fauna, serta malu untuk melakukan perkara negatif* memperkukuhkan lagi kesedaran pelajar terhadap hubungan sesama manusia dan kasih sayang sesama makhluk. Selain itu, aspek hormat terhadap individu, keluarga, undang-undang dan kepelbagaian budaya serta agama turut di terapkan demi melahirkan sikap toleransi dan penerimaan terhadap perbezaan budaya dan agama. Pendidikan Sivik di peringkat sekolah rendah memainkan peranan yang penting dalam melahirkan nilai empati dan tanggungjawab dalam diri, keluarga dan alam, sekali gus menjadi asas kepada pembentukan akhlak yang mahmudah.

Di samping itu, subjek Pendidikan Sivik di peringkat sekolah menengah rendah dan atas mempunyai dasar yang sama tetapi lebih mendalam dan berfokuskan kepada isu-isu global dan tanggungjawab sosial. Terdapat beberapa topik seperti *pengukuhan jati diri anak Malaysia, hentikan keganasan, hormat kepada keperibadian individu, menjadi warga berintegriti, warganegara cemerlang dan ihsan terhadap manusia dan haiwan* yang terdapat di dalam silibus sekolah bertujuan bagi melahirkan generasi pelajar yang mempunyai kesedaran sivik yang tinggi, mampu menjaga keharmonian sosial, serta dapat berperanan dalam membina masyarakat yang berdisiplin dan



berakhlak mulia. Pelaksanaan Pendidikan Sivik di sekolah ini juga berfungsi sebagai batu loncatan dalam pembentukan jati diri pelajar yang berpaksikan prinsip moral dan keagamaan selaras matlamat dengan Kementerian Pendidikan Malaysia dalam ingin melahirkan insan yang harmoni dalam semua aspek. Akan tetapi mula timbul satu persoalan, adakah subjek-subjek dan pendekatan yang dilakukan ini berkesan dalam menangani masalah sosial di kalangan pelajar? Ini kerana bilangan masalah sosial seperti isu disiplin dan buli masih lagi berlaku sehingga sekarang dan semakin menjadi-jadi.

Maqasid Syariah dalam Menangani Masalah Akhlak

Perkataan *maqasid* ialah bentuk jamak bagi perkataan Arab *qasada*, yang membawa maksud tujuan atau arah menuju jalan yang benar tanpa keterlaluan. Manakala syariat membawa maksud tempat terbit air yang menjadi sumber minuman, jalan, apa yang disyariatkan Allah SWT dari aspek akidah dan hukum, agama dan pandangan mazhab yang jelas dan lurus (Tarmizi, 2019). Dari segi istilah, Yusuf al-'Alim menyatakan bahawa Maqasid al-Syariah adalah kebaikan yang kembali kepada hamba di dunia dan di akhirat sama ada dengan cara mendatangkan kebaikan atau menjauhkan kemudharatan di mana bertujuan untuk memelihara kesejahteraan manusia dalam semua aspek kehidupan (Zulkifli, 2024; Rosidi *et al.*, 2022). Di dalam kitab al-Muwafaqat karangan Imam al-Syatibi di mana beliau telah membahagikan maqasid kepada dua cabang iaitu *Qasdu al-Syari'* (objektif pencipta) dan *Qasdu Mukallaf* (objektif manusia).

Maqasid yang berkaitan mengenai nilai moral dan etika pelajar sekolah adalah *Qasdu al-Syari'* iaitu apa yang telah ditetapkan oleh Allah SWT kepada hamba-hambanya bukan mengikut hawa nafsu dan logik akal manusia. Dalam pembahagian *Qasdu al-Syari'* terdapat *Qasdu Ibtida'i* (kemaslahatan) di mana ia adalah peraturan yang telah ditetapkan oleh Allah SWT bagi menjaga kemaslahatan. Semua perintah dan ajaran agama seperti solat, puasa, haji, zakat, serta segala amal kebajikan adalah termasuk di dalam prinsip Maqasid Syariah yang dinyatakan oleh Imam al-Syatibi. Sebagai contoh, dalam ibadat solat, maqasidnya adalah untuk mencegah seseorang itu dari perbuatan keji dan mungkar. Walhal, tujuan pensyariatan solat adalah untuk menjaga masalah pada waktunya, bahkan dapat menguatkan rohani dan jasmani setiap saat dengan menunaikan solat pada waktunya (Rosli *et al.*, 2025; Sabarudin *et al.*, 2025).

Umat Islam diwajibkan bagi menunaikan lima waktu solat harian, di mana ia memupuk disiplin, rasa tanggungjawab dan konsisten dalam rutin harian dan menghidupkan rohani mereka selaras dengan maqasid *hifz al-din* iaitu pemeliharaan agama melalui pengukuhan hubungan dengan Allah SWT. Menurut al-Syeikh 'Izzuddin 'Abdul Salam, ibu bapa diperintahkan untuk menyuruh anak-anak mereka supaya mendirikan solat seawal usia tujuh tahun setelah mengajar mereka rukun-rukun solat (Ahmad, 2019). Dalam konteks Islam, ibadah solat ini telah digariskan sebagai cara bagi menjauhi kemungkaran dan kejahatan. Islam juga amat menekankan nilai-nilai kesabaran dan kerendahan hati. Di antara langkah bagi menghidupkan nilai-nilai ini adalah memerlukan disiplin yang kuat dalam diri bagi mengawal tingkah laku menepati maqasid *hifz al-'aql*, iaitu pemeliharaan akal melalui kawalan emosi dan tindakan yang rasional maka kita dituntut bagi menjauhi perlakuan agresif dan perbuatan yang membahayakan orang lain (Rosidi *et al.*, 2025; Muhamad Hanizad *et al.*, 2025). Melalui pembinaan watak yang tersusun, pelajar dapat melahirkan sifat empati yang kukuh di dalam diri yang mana ianya merupakan langkah utama bagi mengurangkan kes buli bagi melaksanakan maqasid *hifz al-nasl*, iaitu pemeliharaan generasi dan keharmonian masyarakat melalui akhlak yang baik. Dalam Islam, prinsip *tazkiyatun nafs* menjadi asas dalam pembangunan nilai moral dan menjauhi unsur-unsur negatif yang membawa kepada perbuatan membuli.



Metodologi

Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif berbentuk analisis dokumen bagi meneliti integrasi nilai moral dan etika dalam kurikulum sekolah serta hubungannya dengan masalah sosial seperti isu disiplin dan buli. Data dikumpulkan melalui analisis kandungan terhadap literatur sekunder seperti jurnal akademik, laporan kementerian, dan penulisan ilmiah terdahulu yang membincangkan tentang pembentukan sahsiah pelajar, nilai moral, serta prinsip *Maqasid Syariah*. Data yang diperoleh dianalisis secara tematik, dengan menumpukan kepada aspek Maqasid Syariah iaitu pemeliharaan agama (*hifz al-din*), nyawa (*hifz al-nafs*), akal (*hifz al-'aql*), keturunan (*hifz al-nasl*), dan harta (*hifz al-mal*). Pendekatan ini membolehkan penyelidik mengenal pasti tahap keberkesanan pengintegrasian nilai moral dan etika dalam kurikulum serta mencadangkan strategi penambahbaikan bagi menangani isu disiplin dan buli di sekolah berbanding kerangka Maqasid Syariah.

Dapatan Dan Perbincangan

Keperluan Maqasid Syariah dalam Pembentukan Akhlak Pelajar

Maqasid Syariah merupakan prinsip asas Islam yang bertujuan menjaga kemaslahatan manusia dan menghindari kemudaratan dalam kehidupan (Mohd Shahrin, 2018; Mohd Azam et al., 2025). Dalam konteks pelajar pula, penerapan lima komponen maqasid iaitu menjaga agama (*hifz al-din*), nyawa (*hifz al-nafs*), akal (*hifz al-'aql*), keturunan (*hifz al-nasl*) dan harta (*hifz al-mal*) amat penting bagi membentuk sahsiah pelajar (Rosidi, 2024). Dari aspek *hifz al-din*, Islam menuntut ibu bapa mendidik anak-anak sejak kecil dengan ibadah seperti solat. Rasulullah SAW bersabda mafhumnya, "Perintahkan anak-anak kamu solat ketika berumur tujuh tahun" (Riwayat Abu Daud). Didikan ini membentuk disiplin dan kesedaran moral, selaras dengan firman Allah SWT dalam Surah Al-Ankabut ayat 45 yang membawa maksud, sesungguhnya solat dapat mencegah kemungkar. Ini menunjukkan pendidikan agama berperanan mencegah pelajar daripada perilaku negatif seperti buli, jenayah seksual dan juga masalah disiplin (Sulaiman & Zulkifli, 2021).

Seterusnya, *hifz al-nafs* menekankan kepentingan menjaga nyawa dan keselamatan diri (Roslan & Zainuri, 2023). Pendidikan akhlak berasaskan maqasid ini membantu pelajar menghargai kehidupan dan mengelak perbuatan membahayakan diri serta orang lain. Usaha melindungi nyawa juga merangkumi pembentukan persekitaran pembelajaran yang harmoni dan bebas daripada keganasan sosial seperti buli dan jenayah seksual. Sementara itu menurut Alias dan Syed Shamsuddin (2022), konsep *hifz al-'aql* menegaskan bahawa Islam melarang segala perkara yang boleh merosakkan fungsi akal seperti arak dan dadah. Dalam konteks pelajar, ia meliputi kawalan penggunaan media sosial serta teknologi (Rosidi et al., 2022). Dalam satu kajian, menegaskan bahawa penerapan maqasid membantu membina pelajar berfikir secara beretika dan beradab dalam dunia digital (Ahmad et al., 2025).

Dari segi *hifz al-nasl*, keluarga menjadi asas utama pembentukan akhlak. Ibu bapa berperanan menunjukkan teladan yang baik dan mendidik anak-anak berlandaskan prinsip Islam. Keluarga yang harmoni dan berlandaskan agama mampu membentuk anak-anak yang menghargai orang lain dan mengelak daripada tingkah laku agresif seperti buli, jenayah seksual dan masalah disiplin (JAKIM, 2021). Akhirnya, *hifz al-mal* menekankan nilai amanah dan tanggungjawab dalam penggunaan harta. (Zailani et al., 2022) menyatakan bahawa pelajar perlu dididik mengurus kewangan secara beretika dan menjauhi pembaziran, kerana sikap ini melatih mereka menjadi individu berintegriti dan jujur.



Pola Peningkatan Masalah Sosial dalam Kalangan Pelajar

Usaha membentuk akhlak pelajar bukanlah perkara baharu dalam konteks pendidikan di Malaysia. Sejak sekian lama, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melaksanakan pelbagai inisiatif melalui penerapan nilai-nilai murni dalam mata pelajaran seperti Pendidikan Islam, Pendidikan Sivik dan Pendidikan Moral sejak di peringkat sekolah rendah. Walau bagaimanapun, pelbagai laporan terkini menunjukkan bahawa isu salah laku disiplin, buli dan gejala sosial lain dalam kalangan pelajar masih berada pada tahap yang membimbangkan.

Menurut laporan Statistik Sistem Sahsia Diri Murid (SSDM) KPM, sebanyak 7,681 kes buli telah direkodkan di sekolah rendah dan menengah di seluruh negara, iaitu peningkatan 17.7% berbanding tahun 2023 (Sinar Harian, 2025). Peningkatan ini menunjukkan bahawa fenomena buli masih berakar umbi dan semakin serius walaupun pelbagai program pembangunan sahsiah telah dijalankan. Data ini turut disokong oleh Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (MCPF) yang melaporkan bahawa 84% kanak-kanak berumur bawah 18 tahun pernah terlibat atau terkesan dalam pelbagai bentuk buli (Chai, 2018), menunjukkan bahawa gejala tersebut bukan sahaja berlaku di sekolah tetapi turut menular dalam persekitaran sosial yang lebih luas.

Selain itu, analisis global turut mengesahkan kedudukan Malaysia sebagai antara negara yang mencatat kadar buli pelajar yang tinggi. Isa *et al.* (2019) menegaskan bahawa sebanyak 26% murid berusia 9 hingga 10 tahun dan 11% pelajar berusia 13 hingga 14 tahun di Malaysia dilaporkan mengalami buli sekurang-kurangnya sekali sebulan. Peratusan ini meletakkan Malaysia dalam 10 negara teratas dunia bagi kedua-dua kategori umur tersebut. Walaupun data ini bertarikh 2019, trend semasa yang ditunjukkan oleh SSDM KPM 2024 mengesahkan bahawa insiden buli terus meningkat dan mungkin lebih serius daripada angka rasmi. Perbezaan ketara antara kadar prevalens tinggi (26%) dan jumlah kes yang dilaporkan (7,681 kes) mencadangkan berlakunya kekurangan pelaporan (*under-reporting*) dalam sistem persekolahan.

Lebih membimbangkan, masalah disiplin pelajar kini tidak lagi terbatas kepada kesalahan tingkah laku biasa, tetapi telah berkembang ke arah perlakuan jenayah seksual (Rosdi *et al.*, 2025; Maruan *et al.*, 2025). Laporan Polis Diraja Malaysia pada tahun 2023 menunjukkan peningkatan ketara dalam kes jenayah seksual melibatkan remaja bawah umur, termasuk kes rogol dan gangguan seksual, dengan pola peningkatan sebanyak 11.8% berbanding tahun sebelumnya (Bernama, 2024). Seterusnya, berdasarkan data yang dibekalkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) (2024), kesalahan seksual yang melibatkan kanak-kanak termasuk pelajar sekolah dan remaja bawah umur meningkat daripada 1,095 kes pada tahun 2021 kepada 1,567 kes pada tahun 2023, iaitu peningkatan hampir 43% dalam tempoh dua tahun. Perkara ini menggambarkan bahawa kegagalan membendung salah laku sejak peringkat awal boleh membawa kepada bentuk jenayah yang lebih serius dalam kalangan pelajar.

Secara keseluruhannya, pola peningkatan masalah sosial seperti buli, salah laku disiplin, dan jenayah seksual dalam kalangan pelajar menunjukkan wujudnya krisis moral dan sosial yang memerlukan intervensi segera. Fenomena ini bukan sekadar kegagalan kawalan disiplin semata-mata, tetapi menzahirkan ketidakseimbangan dalam pendidikan nilai yang sepatutnya membentuk insan secara menyeluruh. Dari perspektif Maqasid Syariah, situasi ini menggugat beberapa tujuan utama syariat, khususnya *hifz al-din* (penjagaan agama), *hifz al-nafs* (penjagaan jiwa), *hifz al-'aql* (penjagaan akal) dan *hifz al-'ird* (penjagaan maruah).



Apabila pelajar gagal diasuh dengan kefahaman ihsan dan kesedaran rohani, sistem pendidikan kehilangan fungsinya sebagai alat pencegahan terhadap kerosakan moral (*mafsadah*). Oleh itu, dapatan ini menegaskan keperluan mendesak untuk memperkukuh pendidikan nilai berasaskan Maqasid Syariah, agar pelajar bukan sahaja berdisiplin kerana peraturan luaran, tetapi juga kerana kesedaran dalaman yang berpaksikan iman, akhlak dan tanggungjawab sosial.

Keberkesanan Pendidikan Moral, Pendidikan Sivik dan Pendidikan Islam di Malaysia

Secara umumnya, sistem pendidikan di Malaysia meletakkan mata pelajaran Pendidikan Moral, Pendidikan Sivik dan Pendidikan Islam sebagai instrumen penting dalam pembentukan sahsiah pelajar. Namun, berdasarkan pemerhatian dan dapatan kajian lepas, keberkesanan ketiga-tiga sistem ini masih kurang memuaskan dalam melahirkan pelajar yang berakhlak dan berdisiplin. Fenomena gejala sosial seperti buli, merokok, ponteng, jenayah kecil, dan jenayah seksual menunjukkan bahawa nilai moral dan agama yang diterapkan belum benar-benar berfungsi secara mendalam dalam diri pelajar (Basri, 2000).

Sekolah sepatutnya berperanan sebagai tempat yang membentuk pelajar menjadi individu yang seimbang, cerdas akal, berhati bersih dan mempunyai pegangan moral yang teguh. Ia merupakan institusi sekunder dalam proses sosialisasi yang mempunyai peranan besar dalam membentuk mental dan rohani pelajar (Fauziah, 1986). Walau bagaimanapun, pelaksanaan pendidikan nilai di sekolah sering terhad kepada pendekatan akademik semata-mata, sedangkan pembentukan akhlak memerlukan suasana pendidikan yang menyeluruh melibatkan bimbingan rohani, persekitaran yang kondusif, dan contoh teladan daripada guru. Kecenderungan sistem pendidikan yang terlalu menekankan pencapaian kognitif telah menimbulkan satu jurang besar dalam pembangunan emosi dan sahsiah pelajar (Rosly, 2025). Perkara ini menyebabkan pelajar tidak berpeluang untuk mempelajari kemahiran penting seperti pengurusan emosi, penyelesaian konflik secara berhemah, dan pengawalan kemarahan dalam situasi tertentu. Kajian juga menunjukkan bahawa guru masih bergantung sepenuhnya kepada buku teks sebagai bahan bantu mengajar, dengan penggunaan teknologi dan kaedah interaktif yang rendah (Kogindran, 2014; Jasmi *et al.*, 2011). Hal ini menyebabkan proses pengajaran nilai menjadi kaku dan kurang menarik minat pelajar.

Bagi Pendidikan Moral dan Sivik, kekangan utama ialah pendekatannya yang bersifat neutral dan humanistik tanpa asas ketuhanan, menjadikan nilai-nilai yang diajar sukar dihayati secara mendalam. Manakala bagi Pendidikan Islam, beberapa isu dikenal pasti seperti kelemahan guru dalam penguasaan pedagogi, kekurangan latihan mengajar, dan kecenderungan terhadap kaedah tradisional berpusatkan guru (Abdullah & Razak, 2016). Terdapat juga guru yang terlalu menumpukan kepada aspek akademik dan peperiksaan sehingga penghayatan akhlak diabaikan (Rashed *et al.*, 2018). Pandangan ini turut seiring dengan kritikan Dr. Anuar Ahmad yang merupakan pensyarah Pusat Kajian Pendidikan dan Kesejahteraan Komuniti, Universiti Kebangsaan Malaysia, bahawa pendidikan agama dan moral di sekolah rendah mahupun menengah masih belum diberikan penekanan setara dengan subjek akademik seperti Matematik dan Sains. Beliau menegaskan bahawa terhadap pihak yang menganggap subjek ini sebagai subjek sampingan, terbukti melalui peruntukan masa pengajarannya yang amat minimum, malah terdapat kes tertentu di mana waktu pengajaran subjek tersebut digantikan dengan subjek lain (Bernama, 2021). Perkara ini menandakan wujudnya keutamaan yang tidak seimbang dalam kurikulum.



Dalam isu berkaitan buli di sekolah, guru mempunyai peranan penting dalam melaksanakan intervensi yang sesuai. Bagaimanapun, keberkesanan mereka bergantung kepada pengetahuan tentang buli serta kemahiran dalam pengurusan bilik darjah. Terdapat kes di mana guru bukan sahaja gagal menangani tingkah laku murid dengan berkesan, malah secara tidak sengaja turut menunjukkan tingkah laku buli (Allen, 2010). Seiring dengan itu, kajian oleh Young dan Meteraud (2014) mendapati bahawa ramai guru cenderung memberi label negatif kepada pelajar, seperti “bermasalah”, “bodoh”, dan “tidak cekap”. Sikap guru yang kurang peka terhadap permasalahan sosial pelajar akhirnya menjejaskan keberkesanan program anti-buli di sekolah, selaras dengan dapatan kajian Veenstra *et al.* (2014). Selain itu, kajian menunjukkan penghayatan nilai dalam kalangan pelajar masih rendah. Antaranya, pelajar kurang menjaga adab dan akhlak, serta tidak menunjukkan pengamalan Islam yang menyeluruh seperti menutup aurat dan menghormati guru (Kamarudin, 2015; Awang Mat *et al.*, 2017). Perkara ini membuktikan bahawa walaupun pendidikan moral, pendidikan sivik dan Islam telah lama dilaksanakan, kesannya terhadap pembentukan akhlak pelajar masih terbatas.

Oleh itu, dapat dirumuskan bahawa pendidikan nilai di sekolah belum mencapai matlamat sebenar dalam melahirkan insan berakhlak dan berdisiplin. Kelemahan dalam pelaksanaan kurikulum, pengajaran guru, serta ketiadaan pendekatan rohani yang holistik menyebabkan nilai yang diajar tidak dihayati.

Kesan Terhadap Individu dan Institusi Pendidikan

Masalah sosial dalam kalangan pelajar memberikan kesan yang mendalam terhadap perkembangan individu dan juga institusi pendidikan. Dari aspek individu, pelajar yang terlibat dalam gejala sosial seperti ponteng sekolah, penyalahgunaan dadah, dan salah laku disiplin sering mengalami kemerosotan prestasi akademik serta gangguan emosi (Ali, 2007). Mereka mudah hilang tumpuan terhadap pelajaran dan menunjukkan tingkah laku yang menjejaskan hubungan sosial di sekolah. Kajian oleh Asalal *et al.*, (2013) mendapati bahawa masalah sosial pelajar sering berpunca daripada tekanan persekitaran dan kurangnya bimbingan sosial, sekali gus menyebabkan pelajar terpinggir daripada sistem pendidikan arus perdana.

Dalam konteks institusi pendidikan pula, sekolah berdepan cabaran besar apabila perlu menyeimbangkan antara proses pengajaran dan usaha membendung masalah disiplin pelajar. Hal ini menyebabkan guru terpaksa menumpukan lebih banyak masa kepada pengurusan disiplin berbanding pengajaran sebenar, sekali gus menjejaskan kualiti pendidikan (Asalal *et al.*, 2020). Selain itu, reputasi sekolah turut terjejas apabila pelajar terlibat dalam gejala sosial kerana masyarakat akan menilai kegagalan sekolah dalam mendidik pelajar secara holistik (Abu Bakar & Hamzah, 2018). Oleh itu, jelaslah bahawa masalah sosial bukan sahaja memberi kesan negatif kepada individu dari segi emosi dan akademik, malah turut memberi impak kepada institusi pendidikan dalam melahirkan generasi berkualiti.



Rajah 1: Kerangka Disiplin dan Akhlak Pelajar berasaskan Maqasid al-Syariah



Kerangka piramid ini dibangunkan sebagai satu pendekatan holistik untuk menangani isu gejala sosial pelajar melalui gabungan usaha pembentukan akhlak, perlindungan digital, serta mekanisme penilaian pendidikan yang tersusun. Ia berteraskan prinsip Maqasid al-Syariah yang memberi penekanan kepada pemeliharaan agama, akal, maruah, dan kesejahteraan pelajar secara menyeluruh.

Pengurusan Disiplin Berasaskan Nilai (Model PSP Nasional)

Pada lapisan asas, dicadangkan agar pengurusan disiplin berstruktur seperti Program Sistem Penalti (PSP) dilaksanakan di seluruh negara. Berdasarkan semakan, sistem PSP sebelum ini hanya dilaksanakan secara rasmi di negeri Selangor, manakala negeri-negeri lain masih mengamalkan Pengurusan Disiplin Konvensional (PDK) yang lebih berorientasikan hukuman. Program Sistem Penalti (PSP) ialah satu kaedah pengurusan disiplin yang menggunakan mata penalti bagi setiap kesalahan pelajar. Selain penggunaan mata penalti, bentuk tindakan lain turut dilaksanakan seperti memberi amaran, membuat kerja khidmat sosial, menghubungi ibu bapa atau penjaga, merotan, menandatangani surat perjanjian, memberi kaunseling, dan sebagai alternatif terakhir, buang sekolah. PSP menggabungkan *punitive measures* dengan *restorative elements*; iaitu mengalihkan disiplin sekolah daripada model hukuman semata-mata kepada model nilai dan tanggungjawab. Pelaksanaan sistem ini menuntut kerjasama semua guru dengan guru disiplin supaya tindakan yang sewajarnya dapat diambil oleh pihak pentadbiran sekolah terhadap pelajar yang tidak berdisiplin.

Selain itu, sistem PSP masih mengekalkan elemen tindakan tatatertib seperti hukuman rotan mengikut prosedur sah. Menurut kenyataan Asyraf Wajdi Dusuki, hukuman rotan di sekolah tidak pernah dimansuhkan sejak tahun 1954, sebaliknya tertakluk kepada garis panduan ketat agar ia bersifat mendidik, bukan mendera (Zain, 2025). Ini menunjukkan bahawa elemen disiplin dalam pendidikan Islam boleh digabungkan dengan sistem pemantauan moden yang lebih sistematik dan beretika.

Cadangan pelaksanaan semula sistem berasaskan nilai seperti PSP ini juga selaras dengan prinsip Maqasid Syariah, khususnya dalam menjaga lima keperluan asasi (*al-darūriyyāt al-khams*). Melalui pendekatan ini, nilai tanggungjawab (amanah), disiplin, dan akhlak mulia dapat diterapkan secara konsisten, sekali gus memenuhi tuntutan *hifz al-din* (pemeliharaan agama)



melalui penerapan nilai Islam dalam amalan harian pelajar. Pada masa yang sama, sistem pemantauan dan kaunseling menyokong matlamat *hifz al-nafs* (pemeliharaan jiwa) dan *hifz al-'aql* (pemeliharaan akal) dengan mencegah kerosakan moral dan sosial seperti buli, dadah, serta salah laku seksual dalam kalangan remaja.

Oleh itu, pelaksanaan sistem disiplin berasaskan Maqasid seperti PSP bukan sahaja menjadi alat kawalan sosial, tetapi juga satu pendekatan tarbiah holistik yang menggabungkan aspek akal, rohani dan tingkah laku. Sistem ini selari dengan matlamat pendidikan Islam untuk melahirkan pelajar berakhlak dan seimbang, bukan kerana takut hukuman, tetapi kerana memahami hikmah di sebalik setiap peraturan.

Pengukuhan Penapisan Kandungan Media & Pendidikan Literasi Digital

Lapisan kedua pula menekankan perlindungan dan pengukuhan kognitif pelajar dalam menghadapi cabaran media moden. Bagi menangani pengaruh negatif media terhadap disiplin dan akhlak pelajar, pengukuhan regulasi media serta pendidikan literasi digital perlu dilaksanakan secara menyeluruh melalui kerjasama pelbagai pihak, termasuk Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), penyedia platform digital, serta ibu bapa.

Pertama, penapisan kandungan digital perlu diperketat dengan memperkenalkan sistem penapisan pintar tempatan yang mampu mengehadkan capaian pelajar terhadap kandungan yang berunsur lucah, ganas atau bertentangan dengan nilai moral Islam. Sistem ini boleh menggunakan data pendaftaran akaun pelajar melalui e-mel institusi pendidikan atau nombor pengenalan untuk memastikan pengguna dikenal pasti sebagai pelajar. Platform media sosial juga perlu diwajibkan mempunyai kawalan umur dan laporan penyalahgunaan yang lebih efektif agar pelajar tidak mudah terdedah kepada kandungan yang boleh menjejaskan disiplin dan kesejahteraan mental mereka.

Seterusnya, pendidikan literasi digital boleh dijadikan salah satu strategi penting bagi menangani masalah ini. Untuk melaksanakannya, sekolah boleh mengintegrasikan modul literasi digital ke dalam mata pelajaran sedia ada seperti Pendidikan Moral, Pendidikan Sivik atau Teknologi Maklumat atau memperkenalkan kelas khas secara berkala. Guru perlu diberikan latihan profesional supaya dapat membimbing pelajar menilai kesahihan maklumat, mengurus interaksi digital dengan bertanggungjawab dan menghadapi tekanan dunia maya. Aktiviti interaktif seperti bengkel, kuiz, simulasi kes buli siber dan projek media digital dapat mengukuhkan pemahaman pelajar secara praktikal. Di samping itu, peranan ibu bapa juga amat penting dalam membentuk sahsiah anak-anak. Ibu bapa perlu menjadi rakan digital kepada anak, memahami corak penggunaan media mereka dan memberi bimbingan berterusan tentang batas etika Islam dalam dunia maya. Penglibatan aktif ibu bapa dapat melengkapkan peranan sekolah dan kerajaan dalam memastikan pendidikan media dijalankan secara seimbang dan berkesan.

Pendekatan ini sejajar dengan prinsip Maqasid Syariah, khususnya dalam menjaga akal (*hifz al-'aql*) daripada terpengaruh dengan kandungan yang menyesatkan dan merosakkan pemikiran, serta memelihara maruah (*hifz al-'ird*) pelajar daripada terlibat dalam perilaku tidak bermoral di ruang digital. Secara tidak langsung, ia turut menyokong pemeliharaan agama (*hifz al-din*) melalui pembentukan jati diri dan disiplin diri yang berpaksikan nilai etika Islam, sama ada di alam maya mahupun di dunia nyata.



Pelaksanaan Semula Sistem Peperiksaan dalam Pendidikan

Puncak piramid pula mencadangkan antara langkah untuk memperkukuh integrasi nilai moral dan etika berasaskan Maqasid Syariah dalam menangani isu sosial pelajar ialah dengan mengembalikan semula bentuk penilaian bertahap seperti UPSR dan PT3 sebagai mekanisme pemantauan perkembangan murid secara lebih sistematik. Peperiksaan formal ini bukan hanya berfungsi menilai pencapaian akademik, tetapi turut menyokong pembentukan akhlak melalui elemen tanggungjawab, disiplin diri, kesungguhan dan amanah, selaras dengan objektif Maqasid Syariah khususnya *hifz al-'aql* dan *hifz al-nafs* yang menekankan pendidikan menyeluruh untuk membentuk tingkah laku beradab. Tambahan lagi, sistem pentaksiran yang jelas dan berstruktur membantu mewujudkan persekitaran pembelajaran yang lebih kondusif serta mengurangkan kecenderungan pelajar terlibat dalam salah laku kerana wujudnya indikator pencapaian dan pemantauan berterusan. Justeru, dengan mengembalikan peperiksaan standard bukanlah semata-mata kembali kepada pendekatan lama, tetapi sebagai satu strategi pentadbiran pendidikan untuk memperkukuh pembudayaan etika, meningkatkan motivasi, dan mengekang gejala disiplin serta buli melalui pendekatan *accountability* yang lebih menyeluruh (Ismail, 2025).

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, kajian ini mendapati bahawa peningkatan masalah sosial seperti buli, salah laku disiplin dan jenayah pelajar berpunca daripada jurang besar antara pengetahuan moral dengan penghayatan akhlak dalam kalangan pelajar. Walaupun Pendidikan Moral, Pendidikan Sivik dan Pendidikan Islam telah lama dilaksanakan, pendekatan yang terlalu berfokus kepada teori, peperiksaan dan pengajaran berpusatkan guru menyebabkan nilai yang diajar tidak meresap ke dalam amalan harian pelajar. Data semasa turut menunjukkan pola peningkatan gejala sosial, membuktikan bahawa mekanisme pendidikan sedia ada masih belum berkesan dalam membentuk sahsiah pelajar secara menyeluruh.

Analisis berasaskan Maqasid Syariah menunjukkan bahawa keruntuhan akhlak ini menggugat tujuan utama syariat seperti pemeliharaan agama, akal, jiwa, keturunan dan maruah. Maka, pembentukan akhlak perlu digerakkan melalui pendekatan yang lebih holistik, integratif dan berterusan. Kajian ini mencadangkan kerangka penambahbaikan disiplin dan akhlak yang merangkumi sistem pengurusan disiplin berasaskan nilai seperti Program Sistem Penalti (PSP), pengukuhan penapisan kandungan digital, serta reformasi pendekatan pendidikan nilai agar lebih kontekstual, berasaskan latihan rohani dan diterapkan dalam kehidupan sebenar.

Secara tidak langsung, kerangka berasaskan Maqasid Syariah ini menawarkan solusi yang bukan hanya bersifat punitif tetapi juga preventif, mendidik dan memulihkan. Pelaksanaannya berpotensi melahirkan pelajar yang bukan sahaja berdisiplin akibat peraturan, tetapi berakhlak kerana kefahaman, iman dan kesedaran dalaman yang seterusnya menyumbang kepada pembinaan masyarakat dan sistem pendidikan yang lebih sejahtera, harmonis dan selari dengan objektif syariah.



Rujukan

- Abdullah, S. N. A. S., & Razak, A. Z. A. (2016). Hubungan dasar latihan dalam perkhidmatan dengan peningkatan profesionalisme guru-guru Pendidikan Islam sekolah menengah daerah Petaling Utama. *The Online Journal of Islamic Education*, 4(1), 17–27.
- Abu Bakar, A. A., & Hamzah, M. I. (2019). Faktor keterlibatan remaja dengan masalah sosial (*Factors influencing teens with social problems*). *Jurnal Hadhari*, 11(1), 1–17.
- Ahmad, N., Ma, M. K., Abd. Rahman, S. F., Syed Mahmood, S. R., Muhamad@ Razak, N. A., & Mohamad, S. N. A. (2025). The Islamic Ethical Principles and Maqasid al-Shariah to Enhance Digital Competency Among Adolescents. *UMRAN - Journal of Islamic and Civilizational Studies*, 12(3), 101–117.
- Ahmad. (2019). *Pendidikan Anak Dengan Solat*. Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan. <https://muftins.gov.my/tareqat-tasauwuf/pendidikan-anak-dengan-solat/>
- Ali, F. B. (2007). Masalah sosial pelajar dan hubungannya dengan kemerosotan pembelajaran. *Jurnal Usuluddin*, 25, 145–154.
- Alias, N. I. F., & Syed Shamsuddin, S. S. (2022, October 19). *Peranan Maqasid Syariah “Hifz al-Nafs” dan “Hifz al-‘Aql” dalam penutupan sekolah dan universiti di Malaysia semasa pandemik COVID-19*. Kertas kerja dibentangkan di Seminar Antarabangsa Falsafah, Tamadun, Etika dan Turath Islami (i-STET 2022).
- Allen, K. P. (2010). Classroom management, bullying, and teacher practices. *Professional Educator*, 34(1), 2–10.
- Asalal, N., Abd Wahab, H., & Zakaria, E. (2020). Keperluan pekerja sosial sekolah untuk menangani masalah sosial pelajar di Malaysia (The need of school social workers for dealing with student social problems in Malaysia). *The Malaysian Journal of Social Administration*, 14(2), 62–78.
- Asalal, N., Zakaria, E., & Abd Wahab, H. (2013). Intervensi kerja sosial sekolah dalam menangani masalah sosial pelajar. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 38(1), 41–51.
- Awang Mat, M. Z., Zakaria, Z., Ahmad, Z., & Sawari, S. S. M. (2017). Kaedah meningkatkan kesedaran menutup aurat dalam kalangan murid sekolah rendah. *Malaysian Journal for Islamic Studies*, 2, 1–8.
- Baharom, M., Ali, S., & Za’aba, H. K. (2008). Peranan Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral dalam Membina Sahsiah Pelajar Berkualiti. Dalam *Persidangan Pembangunan Pelajar Peringkat Kebangsaan 2008*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Basri, N. H. (2000, Ogos). *Masalah disiplin pelajar: Satu pendekatan dan penyelesaian*. Dewan Budaya.
- Berita Harian (2025, Oktober 14). *Sistem pendidikan negara perlu seimbangkan akademik dan moral..* <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/10/1458455/sistem-pendidikan-negara-perlu-seimbangkan-akademik-dan-moral>
- Bernama. (2021, Disember 22). *Kekurangan nilai moral berpotensi lahirkan pembuli*. Astro Awani.
- Bernama. (2024, Februari 27). *Kes rogol babitkan remaja meningkat – Polis*. Astro Awani. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kes-rogol-babitkan-remaja-meningkat-polis-459960>
- Chai, D. (2018, June 21). *Standing together to curb bullying: Malaysia’s movement to create a culture of kindness*. UNICEF Malaysia. <https://www.unicef.org/malaysia/stories/standing-together-curb-bullying>
- Department of Statistics Malaysia. (2024, Oktober). *Statistik jenayah, Malaysia, 2023* [Crime statistics report]. *Jabatan Perangkaan Malaysia*.



- Dorothy, L. (2002). *Bullying in Early Adolescence: The Role of the Peer Group*. ERIC Digest, By: Espelage.
- Fauziah, N. (1986, Februari). *Fungsi sekolah dalam masyarakat*. *Dewan Masyarakat*, 53–54.
- Isa, N. J., Ismail, M. S., & Noor, A. M. (2019). Masalah buli dalam kalangan murid: Apakah kata guru? *Jurnal Perspektif*, 11(2), 1–14.
- Ismail, S. (2025, November 10). "Kembalikan UPSR ukur penguasaan ilmu pelajar, UASA bukan ujian standard" - *Asyraf Wajdi*. *Berita Harian*.
<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/11/1469879/kembalikan-upsr-ukur-penguasaan-ilmu-pelajar-uasa-bukan-ujian>
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). (2024). *Modul Minda Maqasid* [PDF].
<https://www.islam.gov.my/images/documents/mymaqsd/MODUL%20MINDA%20MAQASID.pdf> Islamic Affairs Malaysia+2Islamic Affairs Malaysia+2
- JAKIM. (2021). *Huraian Aplikasi 5 Prinsip Maqasid Syariah Dalam Tabir Urus*. Islam.gov.my.
<https://www.islam.gov.my/ms/bahagian-maqasid-syariah/huraian-aplikasi-5-prinsip-maqasid-syariah-dalam-tabir-urus>
- Jasmi, K. A., Ilias, M. F., Tamuri, A. H., & Hamzah, M. I. (2011). Amalan penggunaan bahan bantu mengajar dalam kalangan guru cemerlang Pendidikan Islam sekolah menengah di Malaysia. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 3(1), 59–74. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kamarudin, W. A. Z. W. (2015). *Kajian kes perbezaan jantina dalam pembentukan sahsiah Muslim pelajar*. *Academia Journal UiTMT*, 4(1), 22–29.
- Kogindran, S. (2014). *Satu penilaian kritis tentang perubahan kurikulum pendidikan Moral dan strategi pelaksanaannya* (Tesis sarjana pendidikan yang tidak diterbitkan). Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Mahadi, F., Husin, M. R., & Md Hassan, N. (2022). Gaya pembelajaran: Visual, auditori atau kinestetik. *Journal of Humanities and Social Sciences*, 4(1), 29–36.
- Maruan, M. H., Mohd Fauzi, F., Mohd Yusof, N. F. E., Salihuddin, A. S. & Rosidi, M. H. (2025). Addressing unregistered marriages in Malaysia: A Maqasid al-Shariah approach to legal challenges and women's protection. *International Journal of Research and Innovation in Social Science*, IX(VI), 6104-6113.
- Mohd Shahrhan, M.F. (2018, September 05). *Maqasid Syariah: Keperluan Zaman, Cabaran Semasa*. Institut Kefahaman Islam Malaysia. Laman web rasmi IKIM.
<https://www.ikim.gov.my/maqasid-syariah-keperluan-zaman-cabaran-semasa>
- Muhamad Hanizad, N. I. S., Che Mohd Zamri, S. H., Zainal, B. A., Norshaharizal, N. I. H., & Rosidi, M. H. (2025). A Maqasid al-Shariah approach to divorce due to a spouse's mental illness: Legal and rights-based insights from Islamic family law. *International Journal of Research and Innovation in Social Science*, 9(6), 5496–5505.
- Muhammad Farhan, M. F., Md Hamil, S., Azmi, N. N., Roslid, N. U. J., Zainal, N. N., Kamaruddin, N. B., Hamizi, N. I., Ismawi, N. Z., & Husin, M. R. (2020). Learning Problem for the Special Education Students: Funds and Infrastructure. *International Journal of Humanities, Management and Social Science*, 3(1), 1–10.
- Muslim ibn al-Hajjāj. (t. th.). Sunan Abi Dawud. Retrieved November 20, 2025, from <https://sunnah.com/abudawud:495>
- Pendidikan Sivik. (2019). *4 Modul Exemplar Pendidikan Sivik Sek Menengah Rendah.pdf*. Google Docs.
<https://drive.google.com/file/d/1kd760MMweGm1Bzfx9GoI6mNjh6x9qYiB/view>



- Perumal, P., Husin, M. R., & Nachiappan, S. (2022). Analisis Gaya Kognisi dan Afeksi Murid dalam Penulisan Karangan Bahasa Melayu di Sekolah Rendah. *Journal of Humanities and Social Sciences*, 4(1), 22–28.
- Rashed, Z. N., Tamuri, A. H., & Ihwani, S. S. (2018). Cabaran guru Pendidikan Islam mengintegrasikan ilmu sains dan al-Quran dalam pengajaran Pendidikan Islam. *The Online Journal of Islamic Education*, 6(2), 27–41.
- Razman, N. A. M., Tarmizi, N. F. N., Zamri, S. A., Fauzi, N. A. A. M., Azhar, A. S. M. K., Fauzi, N. F. B. M., & Husin, M. R. (2022). Pengurusan tingkah laku dan disiplin pelajar di Sekolah Kebangsaan Bagan Datuk Perak. *Journal of Humanities and Social Sciences*, 4(2), 81–88.
- Rosdi, N. A. B., Mohd Kamarulzaman, A. S., Mohamad Fadli, N. I., Osmara, P. N. I., & Rosidi, M. H. (2025). A Siyasah Syar'iyah approach to financial support obligations of biological fathers for illegitimate children. *International Journal of Research and Innovation in Social Science*, IX(VII), 622- 631.
- Rosidi, M. H. (2024). Facilitating Access to Art and Pre-exposure Prophylaxis for LGBTQ Individuals in Combating HIV in Malaysia: An Analysis from a Shariah Perspective. *International Journal of Research and Innovation in Social Science (IJRISS)*, VIII(VIII), 4191-4202.
- Rosidi, M. H., Ismail, A. M., & Mokhtar, A. W. (2025). Analisis Pelaksanaan ART Dan PrEP Dalam Membendung HIV: Perspektif Syariah: Analysing the Implementation of ART and PrEP in Combatting HIV: A Shariah Perspective. *Journal of Fatwa Management and Research*, 30(1), 174–198.
- Rosidi, M. H., Mokhtar, A. W., & Abdul Majid, M. N. (2022). Penggunaan Media Dalam Talian Menurut Perspektif Maqāsid Al-Shari'ah. *Journal of Fatwa Management and Research*, 27 (3), 78–105.
- Roslan, M. M., & Zainuri, A. O. (2023). Teori Hifz Al-Nafs Dalam Maqasid Syariah: Analisis Pendalilan: The Theory of Hifz Al-Nafs In Maqasid Syariah: Argumentation Analysis. *Journal of Muwafaqat*, 6(1), 1–13.
- Rosli, N. S., Hishamuddin, N. A., & Rosidi, M. H. (2025). Balancing jealousy and privacy in Islamic marital jurisprudence: Insights through the lens of Maqasid al-Shariah. *International Journal of Research and Innovation in Social Science*, 9(7), 793–800.
- Ross, D. M. (1996). *Childhood Bullying and Teasing: What School personnel other professional and parents can do*. Alexandria, American Counselling Association.
- Sabarudin, Z. A., Samsuddin, S. D., Md Diah, H. A., Tahir, M. A., & Rosidi, M. H. (2025). Elopement among teenage girls in Malaysia: A multidisciplinary analysis through Maqasid al-Shariah, sociology, and child protection law. *International Journal of Research and Innovation in Social Science*, 9(7), 801–808.
- Saibon, J., & Khairani, A. Z. (2010). *Hubungan antara status sosial murid dengan tahap tingkah laku buli*. Volume, 5, 56–67.
- Sinar Harian. (2025, Oktober 14). *Kes buli di sekolah meningkat – KPN*. Astro Awani. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kes-buli-di-sekolah-meningkat-kpn-542887>
- Sulaiman, M. K., & Zulkifli, H. (2021). Implikasi Solat Terhadap Akhlak dalam Kalangan Murid Sekolah Rendah. *Journal of Quran Sunnah Education & Special Needs*, 5(1), 1–13.
- Tamuri, A. H., & Ismail, Z. (n.d.). *Pengaruh media massa terhadap pegangan nilai akhlak remaja: Kajian ke atas fakir miskin di kawasan luar bandar*. Universiti Utara Malaysia.
- Tarmizi, L. (2019, Februari 8). Irsyad Usul Al-Fiqh Siri ke-33: Pendahuluan kepada Ilmu Maqasid Syariah. Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. <https://muftiwp.gov.my/ms/artikel/irsyad-usul-fiqh/3099-irsyad-usul-al-fiqh-33-pendahuluan-kepada-ilmu-maqasid-syariah>



- Veenstra, R., Lindenberg, S., Huitsing, G., Sainio, M., & Salmivalli, C. (2014). The role of teachers in bullying: The relation between antibullying attitudes, efficacy, and efforts to reduce bullying. *Journal of Educational Psychology*, 106(4), 1135–1143.
- Yahya, B. (2024, Jun 13). *Modul exemplar tahap 1* [Flip eBook, pages 1-50]. Anyflip.com; Saidatulakhmar Binti Yahya KPM-Guru. <https://anyflip.com/oyapl/uzxj/basic>
- Young, E., & Meteraud, L. (2014). Perceptions of Middle School Teachers on Teacher Bullying. *Journal of Student Research*, 229–241.
- Zailani, M. N., Satar, N., & Zakaria, R. H. (2022). A Review of Indicators for the Preservation of Wealth (Hifz al-Mal) based on Maqasid al-Sharī‘ah. *Journal of Islamic Philanthropy & Social Finance*, 4(1), 22-29.
- Zain, N. (2025, October 27). *Hukuman rotan tak pernah dimansuhkan – Asyraf Wajdi*. *Malaysia Gazette*. <https://malaysiagazette.com/2025/10/27/hukuman-rotan-tak-pernah-dimansuhkan-asyraf-wajdi/>
- Zulkifli, M. A. (2024, January 31). #5329: Memahami Maqasid Syariah. <https://zulkifliabakri.com/5239-memahami-maqasid-syariah/>

* Disclaimer: Facts and opinions in all articles published on Al-MAQASID Journal are solely the personal statements of respective authors. Authors are responsible for all contents in their article(s) including accuracy of the facts, statements, citing resources, and so on. Al-MAQASID Journal disclaims any liability of violations of other parties' rights, or any damage incurred as a consequence to use or apply any of the contents of this journal.